

LAPORAN SETIAUSAHA

PERSATUAN DARUL RIDZUAN DI SELANGOR & WILAYAH PERSEKUTUAN

(PPM 005-14-09051962)

1. Perlantikan Setiausaha Baharu

Atas kekangan keadaan kesihatan Setiausaha yang terdahulu – Tn Hj Abdul Halim Bin Omar, pihak Jawatan Kuasa telah menerima perletakan jawatan beliau pada mesyuarat yang diadakan pada 11 Jun 2023.

Selaras dengan peruntukan Fasal 11(a)(iii) dan Fasal 12(b), Jawatan Kuasa telah melantik Megat Iskandar Bin Megat Zaharuddin sebagai Setiausaha yang baharu berkuatkuasa serta-merta.

2. Keahlian

Bagi persatuan yang sudah wujud sejak tahun 1962, senarai keahlian amatlah rumit kerana melibatkan rekod yang menjangkau puluhan tahun. Pada masa pengambil-alihan jawatan Setiausaha, di dalam pangkalan data PDR, terdapat seramai 2017 nama yang tersenarai. Namun, satu usaha data cleansing terpaksa dibuat kerana PDR tidak tahu sama ada mereka ini masih hidup atau pun tidak.

Ketetapan yang telah dibuat adalah kehadiran ke Mesyuarat Agung Tahunan 3 tahun kebelakangan ini akan dijadikan sebagai rujukan status keahlian aktif seseorang ahli.

3. Saluran Interaksi Rasmi

Untuk kemudahan para ahli untuk berinteraksi dengan PDR, saluran rasmi adalah laman web www.darulridzuan.org.my

Selain daripada itu, PDR juga mengekalkan presence di media sosial di mana pihak sekretariat mengendalikan akaun media sosial Facebook dan selepas ini Instagram dan TikTok.

4. Aktiviti-aktiviti sepanjang 2023

Diakui aktiviti agak kurang diadakan pada skala signifikan pada tahun 2023. Namun, aktiviti-aktiviti tetap dijalankan.

8 April 2023

Sempena sambutan Nuzul Quran, melibatkan diri dengan komuniti di PJS 2D Petaling Jaya.

9 April 2023

Sentuhan Kasih – kelolaan Datin Sri Ismailina Binti Ismail, menyantuni golongan asnaf

15 April 2023

Iftar di Kediaman Dato' Seri Abdul Azim Bin Mohd Zabidi.
Meraikan ibu tunggal dan anak-anak yatim

21 Mei 2023

Majlis Mesra Raya sempena Mesyuarat Agung Tahunan dan Hari Raya Aidilfitri di Institut Koperasi Malaysia, Petaling Jaya

28 Julai 2023

Penglibatan dengan Masjid Bulat, Petaling Jaya – edaran sumbangan

30 Julai 2023

Hari Raya Korban – penglibatan dalam aktiviti agihan daging korban anjuran Masjid USJ, Subang Jaya

InsyaAllah, penambahbaikan dari segi pengurusan keseluruhan operasi PDR akan dilakukan dengan memanfaatkan teknologi dan kaedah terbaik demi kepentingan para ahli PDR.



MEGAT ISKANDAR BIN MEGAT ZAHARUDDIN
Setiausaha
Persatuan Darul Ridzuan
di Selangor & Wilayah Persekutuan

PENYATA KEWANGAN

**PERSATUAN DARUL RIDZUAN
DI SELANGOR & WILAYAH PERSEKUTUAN**

(PPM 005-14-09051962)

**KETERANGAN PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN BAGI
1HB. JANUARI 2023 HINGGA 31 HB. DISEMBER 2023**

PENDAPATAN/PENERIMAAN	RM	PERBELANJAAN/PEMBAYARAN	RM
Baki pada 1 Jan 2023	19,867.85	Kos Mesyuarat Agung	10,000.00
Yuran Pendaftaran	55.00	Hosting & Domain darulridzuan.org.my	680.00
Yuran Keahlian	132.00	Penyelenggaraan Pejabat	690.00
Penerimaan	2,813.00	Sewa Pejabat	18,000.00
Sumbangan drpd	20,000.00	Utilities	6,600.00
		Elaun	4,200.00
		Duti Setem	7.50
		Caj Bank	256.77
		Jumlah Perbelanjaan:	40,434.27
		Baki pada akhir tahun:	
		Wang Tunai di bank	2,433.58
JUMLAH:	42,867.85	JUMLAH:	42,867.85

Tandatangan:.....
AZIZULLAILI BIN DATO' SERI
JALALUDDIN
Bendahari

Tandatangan:.....
MEGAT ISKANDAR BIN MEGAT
ZAHARUDDIN
Setiausaha

Tandatangan:.....
ASRI BIN ABDUL RASID
Pemeriksa Kira-Kira.

Tandatangan:.....
ABDUL RAZAK BIN SULAIMAN
Pemeriksa Kira-Kira.